

## **KONSENSUS MELALUI PERANAN KETUA KAUM DALAM JAWATANKUASA PERHUBUNGAN KAUM (JPK) 1948.**

*(Consensus through Ethnic Leader in Communities Liaison Committees (CLC)1948)*

Nurshuhada Mohamed

### **ABSTRAK**

Konsensus antara kaum atau komuniti merupakan satu cabaran yang besar terhadap pihak British dalam membentuk sesebuah perpaduan. Ini kerana setiap kaum mengimpikan negara idaman masing-masing dan sifat prasangka yang semakin menebal melalui pengalaman hidup bersama namun berlainan budaya dan fahaman. Usaha konsensus ini dilihat semakin sukar apabila melalui tempoh darurat yang berpanjangan akibat ancaman komunis. Oleh itu, objektif kajian adalah menganalisis peranan ketua kaum antara komuniti dan pihak British bagi memahami konsensus yang dibina melalui elemen-elemen rundingan (negotiation), tawar-menawar (bargaining) dan perantara (mediation). Jawatankuasa Perhubungan Kaum atau lebih dikenali sebagai Communities Liaison Committees (CLC) dijadikan fokus kajian ini, kerana penubuhan awalnya pada tahun 1948 untuk membentuk kerjasama kaum sebelum kemerdekaan Malaya pada tahun 1957. Kajian arkib dijalankan untuk analisis minit mesyuarat CLC, surat rasmi dan laporan dari tahun 1948 hingga 1952 dengan kaedah analisis makna. Dapatan kajian mendapati wujud tolak-ansur atau konsensus antara ketua kaum dan pihak British bagi mempersiapkan negara ke arah kemerdekaan. Sekali gus membuktikan bahawa CLC merupakan instrumen Consociationalism yang membentuk perkongsian kuasa melalui tolak-ansur dan mengaplikasikan proses rundingan dan tawar-menawar bagi isu-isu ekonomi, politik, kewarganegaraan dan pendidikan.

**Kata Kunci:** Konsensus; Ketua Kaum; Consociationalism; Akomodasi.

### **ABSTRACT**

Community consensus is a big challenge for the British in forming a unity. This is because each nation dreams of their own country of origin and the prevalence of prejudice which is increasingly thickened through a shared life experience but of different cultures and beliefs. This consensus effort is seen to be increasingly difficult during emergency periods of communist threats. Therefore, the objective of the study is to analyze the role of the ethnic leaders between the community and the British in order to understand the consensus created through the elements of negotiation, bargaining and mediation. The Communities Liaison Committees (CLC) has been the focus of this study, since its initial establishment in 1948 to form a community cooperation before Malaya's independence in 1957. This qualitative study has employed the content analysis approach using an archival data such as CLCs' minutes, official letters and reports from the year 1948 to 1952. The findings suggest that there is a tolerance or consensus between the rulers and the British to prepare the nation towards

independence. Thus proving that the CLC is Consociationalism instruments that form of power sharing through compromise and apply the process of negotiations and bargaining on issues of economic, political, citizenship and education.

**Keywords:** Consensus, ethnic leaders, consociationalism, accomodation

## PENDAHULUAN

Hubungan kesepaduan sosial antara komuniti di Malaysia dibuktikan melalui penerimaan perbezaan antara satu sama lain. Banyak kajian yang menunjukkan Malaysia dapat bertahan sehingga kini adalah kerana menghormati kepelbagaian kaum, budaya, bahasa dan agama seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga Rukun Negara (Abdul Rahman Embong, 2006), membudayakan konsep *agree to disagree* dan *bargaining and negotiation* (Shamsul AB, 2011) dan menerima kepelbagaian kaum (Mansor Mohd Noor, 2010).

Proses perpaduan ini mengambil masa lama dan ia berlaku secara evolusi kerana peralihan ini menggunakan pendekatan rundingan. Proses yang panjang ini dijayakan oleh banyak pihak dan merupakan satu peristiwa penting dalam sejarah penubuhan Malaysia. Kemuncak peristiwa yang dicatatkan adalah setiap kaum dapat duduk bersama dan membincangkan isu-isu sensitif melalui rundingan, tawar-menawar dan pengantaraan yang diwakili oleh Kolonial British. Kerjasama antara kaum bermula apabila Kolonial British mengutarakan idea kerjasama ini kepada ketua kaum pada waktu itu. Hasil dari idea, usaha serta penglibatan semua ketua kaum di Tanah Melayu pada 1948 telah membentuk satu tolak-ansur atau konsensus antara komuniti. Seinggalah terbinanya permuafakatan melalui perkongsian kuasa dengan penubuhan dan pengiktirafan politik komunal.

Proses perpaduan yang terbentuk ini dijayakan oleh aktor berperanan sebagai pemimpin ketua kaum bagi setiap komuniti. Ketua kaum ini dikenali sebagai elit yang berperanan menggalas tanggungjawab ini dan diberi kepercayaan untuk membawa masyarakat pelbagai komuniti ke arah negara yang merdeka. Oleh sebab itu, Jawatankuasa Perhubungan Kaum (JPK) turut dikenali sebagai *Community Liaison Committees* (CLC) dijadikan fokus kajian kerana ia merupakan instrumen *consociationalism* seperti yang dihuraikan oleh Lijphart (1977). Tujuan kajian ini adalah untuk melihat peranan ketua kaum bagi mencari pertemuan, pemikiran dan pandangan sepanjang proses CLC untuk bergerak ke hadapan ke arah kemerdekaan.

## PERBAHASAN KONSEP

Perkembangan modenisasi sekitar tahun 1948 telah menyebabkan gelombang demokrasi di seluruh dunia. Perbahasan konsep *consociationalism* atau konsensus dan konsep elit juga lahir dari gelombang demokrasi. Ia hadir bersama gelombang demokrasi yang kedua sekitar tahun 1940an hingga 1962. Gelombang demokrasi ini berkembang sebagai ideologi politik dan telah mengubah sistem politik di seluruh negara. Manakala gelombang ketiga sekitar tahun 1974 sehingga 1990 merupakan gelombang yang kuat dan memberi kesan kepada kebanyakan negara seperti Eropah Selatan, Amerika Latin dan Asia Timur. Bagi British kebangkitan revolusi industri di Eropah memberi kesan pembangunan yang pesat termasuklah penularan sistem demokrasi melalui kolonialisme. Melalui pengalaman inilah, British menggunakan ilmu sebagai kuasa dan meningkatkan lagi kuasanya dari sudut fizikal dan epistemologi (Shamsul AB, 2005).

### **Konsep Consociationalism**

*Consociationalism* telah dibentuk pada tahun 1970 oleh kerja Arend Lijphart bersama-sama Eric Nordlinger, Gerhard Lehmbruch, ia juga sering dipanggil demokrasi *consociationalism*, demokrasi konsensus atau demokrasi berkadar korporatisme (Schneckener, 2002). Definisi *consociationalism* menjadi satu bentuk demokrasi konsensus yang dikaitkan dengan masyarakat atau komuniti dibahagikan atau, sebaliknya, untuk mentadbir tatanegara multinasional, iaitu negeri-negeri atau kawasan-kawasan di mana dua atau lebih kaum bagi sesebuah negara hidup (Schneckener, 2002). Beliau menegaskan idea utama dalam struktur perkongsian kuasa adalah dua atau lebih kumpulan komuniti dalam sesebuah negara bersama-sama memerintah tatanegara dan konsensus dalam setiap pembuatan keputusan.

Mekanisme perkongsian kuasa yang digemari oleh Lijphart dan Horowitz, pula mencadangkan penggunaan institusi sebagai alternatif bagi menggalakkan tingkah laku sederhana oleh kedua-dua golongan elit dan pengikut mereka (dalam Hartzell & Hoddie, 2003; 319). Sisk (1996) mendefinisikan institusi-institusi ini sebagai satu bentuk perkongsian kuasa kerana mereka cenderung untuk memupuk pembentukan pakatan yang luas yang mewakili kepentingan pelbagai. Hartzell dan Hoddie (2003) menjelaskan bahawa Lijphart (1977) dan Sisk (1996) menyatakan untuk mendapatkan konsensus maka perlu wujud perkongsian kuasa melalui penubuhan institusi yang akan memberi jaminan untuk membentuk perwakilan di pusat politik dan berpeluang untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan serta berperanan dalam mengurangkan konflik.

Lijphart (1999) pula menghuraikan institusi sebagai; 1) kaedah-kaedah dan amalan institusi utama demokrasi moden seperti organisasi dan operasi eksekutif, perundangan, sistem parti, sistem pilihan raya, dan hubungan antara pusat dan peringkat rendah kerajaan yang boleh diukur melalui skala majoriti dan konsensus di akhirnya dengan pihak yang lain; 2) bahawa ciri-ciri institusi membentuk dua kelompok yang berbeza; dan 3) berdasarkan kelompok dikotomi ini (Dimensi Perkongsian Kuasa vs Dimensi Pembahagian Kuasa), dua dimensi "peta konsep" demokrasi ini boleh dilakar mengikut era pembentukan sesebuah negara demokrasi. Perbezaan kedua-dua dimensi ini diteliti oleh Lijphart (1999) dan penting untuk menentukan corak dan peraturan dalam sesebuah institusi.

### **Konsep Elit**

Perbincangan konsep elit pula menurut tafsiran Kobkua (2011) dalam bukunya yang bertajuk *Palace, Political Party and Power: A Story of the Social-Political Development of Malay Kingship*. Definisi elit dibahagikan kepada tiga fasa iaitu fasa sebelum kolonial, semasa kolonial dan selepas kolonial. Nazirah (2011) memahami elit yang wujud sebelum kolonial adalah elit tradisi dan simbol kepada kuasa. Manakala semasa kolonial wujud elit yang memerintah sebagai kerajaan atau lebih dikenali sebagai Raja atau Sultan. Simbol kuasa telah bertukar kepada satu simbol yang menggerakkan sosio-politik dalam masyarakat. Ia boleh disimpulkan elit ini menggunakan pendekatan simbol bagi menerangkan makna kuasa mereka (Malesevic, 2004). Segala tindakan dan keputusan yang diambil oleh golongan atasan atau elit ini adalah mewakili rakyat yang dipimpin. Masyarakat pada kedua-dua fasa ini taat dan hormat pada golongan elit ini.

Manakala fasa selepas kolonial diambil kira selepas Peperangan Dunia kedua sekitar tahun 1948. Nazirah (2011) berpendapat wujud elit baru ketika fasa ini kerana golongan elit yang dimaksudkan adalah elit yang memimpin parti politik komunal. Pendekatan perjuangan

elit baru ini lebih bersifat pendekatan instrumen kerana memfokuskan kepada strategik dan taktik dalam menggerakkan politik mereka (Malesevic, 2004).

Namun begitu teori elit klasik sentiasa diambil kira dalam perbincangan elit kerana teori elit klasik sentiasa menekankan majoriti yang menguasai minoriti. Teori elit kontemporari pula memfokuskan pada tindakan elit dalam bidang sosial iaitu kuasa relatif dan simbol. Cohen (1974) menjelaskan simbol adalah objek, konsep atau bahasa yang digunakan dalam memerihalkan sesuatu tindakan. “*Symbols possess indefinite and uncertain meanings but are, at the same time, indispensable for social action and communication*” (Malesevic, 2004; 115). Kebiasaannya simbol sering digunakan untuk tujuan tindakan kolektif dalam masyarakat. Malah simbol juga diterima pakai dalam kehidupan seharian yang merupakan sebahagian daripada hubungan etnik. Ia dibincangkan oleh Cohen (1974) sebagai perkongsian perkara yang sama “*treats ethnic group as informally organized interest groups who share a common culture and who form a part of a larger population, interacting within the framework of a common social system like the state*”.

Elit politik turut dikenali sebagai aktor yang membawa peranan penting dalam proses perkongsian kuasa dan pembuatan keputusan bersama. Lijphart (1977; 1999) menyenaraikan tiga belas unsur bagi menjayakan *consociationalism*. Antara salah satu unsur adalah peranan elit politik. Ia dibincangkan dan diakui oleh Lijphart (1977) elit berupaya berakomodasi dengan perbezaan dan permintaan dari etnik-etnik lain. Peranan elit kedua, berupaya untuk merapatkan jurang pemisahan, manakala peranan ketiga adalah elit dapat memberi komitmen dalam mempertahankan sistem dan berusaha melaksanakan perpaduan serta kestabilan. Walau bagaimanapun elit mesti memahami budaya pemecahan politik dan boleh menilai tanda-tanda perpecahan. Peranan ketua kaum dalam CLC dipotretkan sebagai elit politik kerana mereka bertanggungjawab untuk mewakili kaum masing-masing. Justifikasi mengapa kajian ini memfokuskan istilah ketua kaum berbanding elit, kerana antara ada ahli jawatankuasa dalam CLC merupakan perwakilan yang bukan dari golongan memegang perjawatan dalam kerajaan, persatuan mahupun parti politik.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini meneliti bentuk perkongsian kuasa yang dijalankan sepanjang proses penubuhan CLC. Malah CLC merupakan instrumen *consociationalism* yang telah dibincangkan oleh Lijphart. Penelitian ini menggunakan penyelidikan kualitatif melalui aplikasi dua pendekatan. Pertama “trajektori sejarah” untuk memahami perubahan masyarakat di Tanah Melayu. Pendekatan kedua *Annales School* untuk mengupas perubahan ini dengan meneliti data sejarah yang merangkumi isu-isu politik, ekonomi dan sosial melalui peranan CLC. Analisis semantik diaplikasi bagi menghuraikan dan menganalisis makna dalam dokumen-dokumen CLC dari tahun 1948 hingga 1952.

Menurut pendekatan *Annales School* pengalaman realiti masyarakat perlu melalui pemerhatian yang mendalam untuk memahami bagaimana proses sosialisasi dibentuk. Pendekatan *Annales School* ini menterjemahkan satu usaha yang signifikan dalam menggabungkan sejarah dan sains sosial. Hal ini kerana pendekatannya merangkumi bidang dan sub-bidang sejarah manakala kaedah kajiannya dari perspektif antropologi, sosiologi, demografi, geografi, psikologi, semiotik dan linguistik (Khairul Ghufuran, 2015). Oleh yang demikian, huraian dan analisis semantik berbentuk interpretasi pensejarahan struktural diaplikasi dalam penyelidikan kualitatif ini. Menurut Schutt (2009) kajian sejarah dan perbandingan merupakan satu kajian alternatif bagi pengkaji-pengkaji yang menyelidik

proses menggunakan sumber dokumen. Dokumen yang bersifat teks ini diinterpretasikan secara mendalam berkenaan dengan ciri-ciri kerjasama dan hubungan dengan pembentukan perpaduan kaum. Hasil daripada analisis ini lahir tiga tema berpandukan kerangka dalam penyelidikan sosiologi seperti struktur dan proses. Manakala pendekatan “trajektori sejarah” seperti peristiwa untuk melihat perubahan masyarakat dan kerajaan yang berlaku kesan daripada penubuhan CLC.

## HASIL KAJIAN

Pembentukan konsensus lahir ketika kedua-dua usaha menghormati kepelbagaian etnik dan meraikan budaya etnik masing-masing diaplikasikan dalam kehidupan bermasyarakat (Abdul Rahman Embong, 2006). Usaha ini mengambil masa yang panjang dan faktor persekitaran yang positif turut membantu dalam merealisasikan proses pembinaan pakatan. Tempoh yang diambil merupakan ukuran kepada kejayaan proses perkongsian kuasa di mana semakin lama tempoh masa yang diambil untuk berunding dan tawar-menawar maka semakin besar kejayaan yang akan mengekalkan dan menstabilkan perpaduan dan hubungan etnik dalam sesebuah negara. Berikut tiga peranan utama ketua kaum dalam membentuk dan mengaplikasikan perkongsian kuasa sepanjang proses perbincangan, tawar-menawar dan seterusnya konsensus atau dikenali *agreed views* dalam CLC.

### Akomodasi

Sir Malcolm MacDonald juga memperakui konflik ketika proses ini berjalan sehinggakan berlaku kekerasan dari sudut tindakan dan suara (MacDonald, 1970). Namun proses ini akhirnya menawarkan persetujuan kolektif di antara kedua-dua pihak yang bercanggah pendapat. Persetujuan kolektif inilah yang dibincangkan oleh Purcell (1954) sebagai *agreed views*.

Sepanjang proses perbincangan CLC, beberapa isu sensitif dapat diperbincangkan antaranya adalah berkenaan kedudukan ekonomi orang Melayu, penyertaan politik bagi kaum-kaum lain, medium bahasa yang akan digunakan dalam pembelajaran di peringkat sekolah, jenis sekolah yang akan ditubuhkan dan syarat kewarganegaraan untuk penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Isu-isu yang dibincangkan merupakan permintaan dan kehendak masyarakat yang berbilang kaum di Tanah Melayu.

Beberapa siri perjumpaan dijalankan demi membincangkan isu-isu di atas. Sepanjang proses perbincangan dapat dilihat jawatankuasa CLC memainkan peranan sebagai perwakilan kepada kaum masing-masing. Proses tawar-menawar antara kaum Melayu dan Cina diperlihatkan dalam isu memberi ruang dan peluang ekonomi kepada kaum Melayu. Manakala kaum Cina diberi kewarganegaraan mengikut Undang-Undang Antarabangsa yang dipraktikkan oleh British dan juga pengiktirafan Undang-Undang tempatan yang diguna pakai oleh Raja-Raja Melayu sebelum tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Jadual 1: Siri perjumpaan sebelum dan semasa proses rundingan politik

Bil	Siri Mesyuarat	Rujukan Dokumen
1.	Mesyuarat Sebelum Penubuhan CLC pada 29 Disember 1948 di rumah Dato Onn di Johor bersama pemimpin Cina - dari sudut politik adalah terpisah dan terasing	MAC 79/11/14
2.	Mesyuarat Sebelum Penubuhan CLC bersama Anggota	MAC 79/11/14




	Majlis Cina Penang di Penang.	
	- Memilih ahli yang terdiri daripada 6 etnik Melayu dan 6 etnik Cina	
	- Memilih pengerusi CLC	
	- Sir MalColm MacDonald sebagai pemerhati dan “perantara” bagi penduduk tempatan dan British	
3.	Mesyuarat CLC 1 pada 9 &10 Februari 1949 di Johor Baru.	MAC 120
	- Pertemuan pertama yang diketuai oleh pengerusi yang dilantik atas persetujuan semua ahli iaitu Thuraisingham	MAC 22/6/43
	- Perbincangan tentang kedudukan orang Melayu dalam ekonomi dengan bantuan yang boleh diberikan oleh komuniti Cina	
	- Turut berbincang tentang pendidikan untuk melahirkan kanak-kanak yang mempunyai nilai patriotisme terhadap negara Tanah Melayu	
	- Wujud prejudis di antara Melayu dan Cina apabila ada usaha untuk memisahkan Penang dari Persekutuan Malaya.	
4.	Mesyuarat CLC pada 18 &19 Februari 1949 di Kuala Lumpur, 14 & 15 Mac (Ipoh), 1 &2 April (Kuala Lumpur) dan 12 Mei (Kuala Lumpur)	MAC 27/5/72 MAC 27/5/95
	- Perbincangan masih berkenaan permasalahan kedudukan orang Melayu dalam ekonomi	
	- Perbincangan dan perundingan mengambil masa selama 4 sesi untuk meneliti permasalahan <i>economic adjustment</i> bagi semua etnik komuniti di Tanah Melayu pada waktu itu.	
	- Ahli jawatankuasa seterusnya membuat draf resolusi kepada kerajaan untuk di wartakan sebagai undang-undang.	
5.	Mesyuarat CLC8 pada 13 & 14 Ogos 1949 (Kuala Lumpur)	MAC 27/8/75
	- Perbincangan tentang kedudukan istimewa orang Melayu dan kewarganegaraan.	MAC 28/3/15
	- Wujud konflik untuk mentakrifkan kriteria-kriteria sebagai warganegara – menolak <i>dual citizenship or nationality</i>	
6.	Mesyuarat CLC9 pada 14 hingga 16 September 1949 di Bukit Serena (Johore Bahru) dan 29, 30 & 31 Disember (Penang)	MAC 25/1/14
	- CLC mengeluarkan pernyataan tentang kriteria warganegara perlu dipertimbangkan, pilihan raya perlu dijalankan bagi proses berkerajaan sendiri dan penggunaan bahasa Melayu dan Inggeris di sekolah kerajaan atau pun sekolah bantuan kerajaan.	
7.	Mesyuarat CLC 11 di awal 10 & 11 Februari 1950 (Kuala Lumpur), 21 Februari 1950 (Kuala Lumpur) dan 6 Mei 1950 (Kuala Lumpur)	MAC 25/1/15 MAC 25/1/16 MAC 25/1/19
	- Persetujuan tentang isu-isu warganegara dengan memperkenalkan “jus soli”	
	- Memperlihatkan <i>major concession</i> oleh Dato Onn kepada permintaan Tan Cheng Lock	
	- Akhirnya memberi persetujuan kepada pelaksanaan kedudukan istimewa dan ekonomi orang Melayu dalam dasar	
8.	Mesyuarat CLC 6 Mei 1960	

- Mesyuarat berkenaan pindaan CLC yang akan diperuntukkan di dalam undang-undang
- Penubuhan Parti Perikatan antara UMNO-MCA-MIC
- Dato Onn menubuhkan parti baru iaitu Parti Kemerdekaan Malaya

Sumber: Nurshuhada Mohamed (2015).

Laporan Rajah 1 di bawah, menceritakan pertemuan dalam CLC memberi kesan persekitaran yang positif. Ini kerana pertemuan demi pertemuan melahirkan rasa kekitaan antara satu sama lain. Malah pertemuan ini membuktikan mereka boleh menerima perbezaan dari sudut politik yang sebelum ini aktiviti politik hanya bersifat berasingan dan eksklusif kepada etnik masing-masing. Hakikatnya pertemuan pertama ini diatur oleh British melalui Sir Malcolm MacDonald telah memberi jalan kerjasama antara mereka. Peranan British sebagai perantara sememangnya penting untuk mengawal tingkah laku ahli jawatankuasa bagi menjayakan usaha kerjasama antara kaum dan sesama kaum.

Rajah 1: Laporan oleh Sir MacDonald kepada Pesuruhjaya British di Singapura




Sumber: MacDonald (1952)

### Merapatkan Jurang Pemisah

Kenyataan akhbar Times di Rajah 2 menjelaskan tentang signifikan penubuhan CLC. Keputusan relatif membuktikan kerjasama di antara kedua pihak berhasil walaupun dalam situasi yang tegang. Gabungan kesemua kaum menggambarkan satu usaha yang gigih dan memerlukan kesabaran yang tinggi dan kepercayaan antara satu sama lain dalam mencapai matlamat iaitu ke arah berkerajaan sendiri. Bukan senang untuk memupuk kerjasama, kepercayaan dan keyakinan antara satu sama lain semasa zaman darurat di Tanah Melayu. Usaha ini memerlukan rundingan dan tawar-menawar melalui pertemuan secara bersemuka di antara satu sama lain. Pertemuan ini juga kadangkala diboikot kerana sesetengahnya tidak bersetuju dengan pandangan dan idea dari kaum yang lain. Namun British yang berperanan sebagai perantara bijak mengatur strategi dalam memahami konflik antara mereka seterusnya mengambil langkah *win-win situation* antara satu sama lain.

Rajah 2: Kenyataan Akhbar Times pada 18 September 1949



Sumber: TIMES (1949)

Oleh itu, terdapat banyak halangan dan rintangan yang CLC hadapi. Ada yang berjaya diharungi namun ada yang gagal dicapai. Antara yang berjaya adalah menipiskan batas etnik yang sebelum ini terpisah dan terasing. Mereka berkongsi budaya yang sama dan tujuan yang sama bagi menghasilkan satu keputusan kolektif dan diterima sehingga hari ini walau kepentingan dan peranan CLC telah kabur pada tahun 1952. Namun *agreed views* CLC telah diubahsuai dan diguna pakai dalam perikatan UMNO-MCA-MIC untuk dibawa dan dibentangkan kepada mesyuarat Majlis Raja-Raja. Hasil dari persetujuan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja inilah satu perlembagaan telah dipersetujui untuk ditubuhkan. Malah perkara-perkara yang telah dipersetujui dalam CLC juga telah dirangkakan melalui bentuk perkongsian kuasa dengan kerjasama antara kaum dalam medium politik. Hal ini kerana CLC merupakan platform untuk membina perpaduan kaum di Tanah Melayu ketika itu.

Pertemuan antara pemimpin-pemimpin ini menipiskan batas etnik yang wujud antara mereka. Ini kerana pertemuan sebelum ini hanya berlaku dalam skala yang kecil sahaja. Akibatnya sifat prejudis semakin menebal dalam diri masing-masing. Sifat ini tercetus akibat daripada serangan komunis kerana marah dengan etnik Melayu yang bekerjasama dengan Jepun. Manakala etnik Melayu mengandaikan kebanyakan Cina merupakan penyokong perjuangan komunis. Rentetan inilah yang membuahkan rasa tidak senang untuk bekerjasama sesama mereka. Namun hasil perancangan dan idea British yang sentiasa mengamalkan pendekatan rundingan membuka ruang untuk kesemua kaum berjumpa dalam beberapa siri pertemuan yang akhirnya menghormati pendirian dan pandangan masing-masing. Fernando, Zulkarnain dan Abdullah (2013) memperakui bahawa CLC merupakan institusi yang penting untuk mempromosikan kefahaman yang mendalam di antara masyarakat di tanah Melayu.

### **Komitmen dan Mengekalkan Kesepaduan**

Pemimpin ketua kaum mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing. Peranan ketua bagi setiap kaum merupakan tindakan dalam sistem sosial melalui kesan permainan watak bagi setiap ketua kaum yang terlibat sebagai ahli jawatankuasa CLC (Moore, 1986). Oleh yang demikian mereka juga berperanan dalam mengekalkan sistem perkongsian kuasa dan melaksanakan perpaduan antara kaum melalui komitmen yang dipertanggungjawabkan. Tindakan oleh permainan watak ini akan memberi kesan perubahan struktur terhadap individu dan kelompok serta dinamik kelompok (Moore, 1986). Antara pemboleh ubah yang boleh mengukur perubahan struktur bagi sesebuah institusi adalah 1) saiz keanggotaan; 2) sekatan dan ketetapan dalam keperluan rol asas; dan 3) pengkhususan dalam kedudukan dan peranan keputusan. (Moore, 1986).




Setiap pegawai yang memegang jawatan mempunyai karakter yang berlainan, inilah yang dibahasakan oleh Stockwell (1995) tentang sejarah Malaya. Pertukaran General Commissioner akan membezakan kaedah dan tindakan yang akan diambil oleh beliau namun objektif tetap sama iaitu memberi ruang perbincangan dan rundingan untuk berkerajaan sendiri. Kandungan penulisan Sanger (1995) memerihalkan personaliti Sir Malcolm MacDonald sebagai seorang sosialis. Personaliti ini dibentuk oleh pengalaman hidup di mana beliau dilahirkan dalam keluarga yang berkerjaya sebagai ahli politik malah ayah beliau merupakan perdana menteri yang pertama yang diwakili oleh Parti Sosialis (Sanger, 1995). Malah di Malaya beliau dikenali sebagai "*Britain Coats off Diplomat*" (MacDonald, 1952a) kerana tidak mengikut dasar sosial yang telah ditentukan oleh British. Beliau menjelaskan tentang kenapa British gagal dalam memahami masyarakat tempatan kerana "*It is not our political but our social policy that has tended to spoil our relations with the Asiatic countries*" (MacDonald, 1950). Pengalaman inilah yang menjadikan beliau tiada sifat prejudis terhadap mana-mana etnik dan tidak bersetuju dengan doktrin penjajahan.

Perwatakan Dato Onn pula seorang yang tegas dan luas pengetahuan dalam bidang politik. Beliau seorang yang berpandangan jauh dan terlalu mengikut emosi menyebabkan tindakan beliau disalah ertikan dalam peristiwa beliau keluar dari UMNO dan menubuhkan Parti Tindakan Negara (PTN). EEC Thuraisingham pula merupakan "*...very passionate and contentious, in a profesional and amicable manner and this drew much respect from his fellow colleagues. His legal background and experience in the legislative council to an extent enable him to handle the discussion skillfully and firmly* (Fernando et al., 2013)". Peranan Tan Cheng Lock dalam mendokong perjuangan kemerdekaan begitu banyak. Sebelum menyertai CLC beliau merupakan pemimpin AMCJA dan bekerjasama dengan PUTERA demi mendapatkan kemerdekaan tanah Melayu. Namun setelah British mengisytiharkan AMCJA-PUTERA parti berhaluan kiri, beliau memasuki parti MCA yang ditubuhkan oleh British bagi membasmi sokongan kaum Cina dari perjuangan komunis.

Perwatakan Sir Malcolm MacDonald, Dato Onn, Tan Cheng Lock dan EEC Thuraisingham merupakan pemimpin elit yang berfikiran terbuka dan mengiktiraf etnik lain sebahagian daripada etnik yang ada di tanah Melayu ketika itu. Walaupun CLC peranan CLC berkubur sekitar tahun 1953, namun komitmen yang dimainkan oleh mereka berjaya menarik tumpuan parti komunal lain seperti UMNO, MCA dan MIC mengaplikasikan model konsensus dalam kerangka pakatan antara politik komunal di era 1952. Keratan akhbar dalam Rajah 3 di bawah membincangkan kepentingan ahli jawatankuasa CLC masih lagi berperanan dalam pakatan politik yang terbaharu antara UMNO dan MCA.

Rajah 3: Keratan Akhbar Pakatan Melayu-Cina: Kerangka Kerjasama Komunal.



Sumber: Times (1953).

## **PERBINCANGAN**

Beberapa sarjana melihat elit politik sebagai agen pemangkin bagi permulaan pakatan besar dalam masyarakat berbilang kaum (Lijphart 1977; Mauzy 1983; Means 1991; Horowitz 1993; Mohammad Agos 1992; Jayum 1994; In Won Hwang 2003 & Mohd Fitri & Mohd Foad 2013). Ramai sarjana tempatan bersetuju bahawa hasil kerjasama di Tanah Melayu bermula apabila perikatan di antara UMNO dan MCA selepas pilihan raya umum 1954. CLC pula dikategorikan sebagai tempoh percubaan untuk memupuk sistem akomodasi dalam kalangan ketua kaum. Oleh itu, peranan ketua kaum dilihat signifikan dalam menjayakan proses rundingan, tawar menawar dan pengantara seterusnya membuahkan konsensus dalam CLC melalui keputusan kolektif yang dikenali sebagai *agreed views*.

Aktor yang mewakili Ahli Jawatankuasa CLC merupakan individu berlatar belakang pelbagai kaum antaranya Dato Onn Jaafar, Tan Cheng Lock, EEC Thuraisingham, Ronald Bradell dan juga *Liaison Officer* iaitu Sir MalColm MacDonald. Manakala institusi pula diwakili oleh pertama elit politik dalam UMNO, MIC dan MCA. Kedua elit kerajaan diwakili oleh pihak British dan ketiga media massa terutama akhbar Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil. Ketiga-tiga institusi ini mempunyai peranan penting dalam mempengaruhi corak pemikiran, perbincangan, penyertaan dan tindakan masyarakat setempat pada ketika itu.

Ia disokong oleh kajian March dan Olsen (1996) yang mengupas tentang peranan institusi oleh elit politik dalam buku *The Policy Process* oleh Hill 1997. *Political actors act and organize themselves in accordance with rules and practices which are socially constructed, publicly known, anticipated and accepted. Action of individuals and collectivities occur within these shared meanings and practices, which can be called institutions and identities* (March & Olsen 1996). Maka setiap perasaan, pemikiran, tindakan dan pengurusan mereka yang ada kalanya bersetuju dan kadang-kadang bertentangan pendapat lahir daripada identiti, kelompok dan peranan yang berbeza. Hasilnya institusi memberikan harapan dan kebimbangan dalam meluahkan emosi (Flam, 1990) dan mewujudkan sentimen-sentimen seperti kesetiaan, kehormatan, kebencian, kemarahan dan persahabatan dalam pelbagai situasi (dalam Marc & Olsen, 1996; 141). Kenyataan dari Taylor, (1985) menyatakan institusi terutama politik mencipta peraturan untuk mengawal hak dan sumber bagi sesebuah institusi politik. Oleh yang demikian aktor politik yang dilantik haruslah mempunyai identiti sebagai jati diri untuk bertindak dan bersuara dan juga memahami budaya lain dalam proses sosialisasi. Konsensus yang dibentuk dalam pakatan politik pada tahun 1952 memberi gambaran bahawa elit politik menerima dan menghormati perbezaan antara kaum demi kemerdekaan sebuah negara Malaya.

## **KESIMPULAN**

Penubuhan CLC memberi impak besar dalam pembentukan negara bangsa (masih dalam proses) di Malaysia pada hari ini. CLC merupakan proses merangka governan mengikut acuan ilmu kolonial namun masih mengekalkan ciri-ciri anak watan seperti Agama Islam dan Bahasa Melayu diiktiraf sebagai agama rasmi dan bahasa rasmi. Analisis kajian turut membuktikan peranan dan fungsi CLC bukan sekadar pertemuan untuk membentuk kerjasama di antara komuniti. Malah ahli CLC diberi tugas yang berat untuk membina manual tatacara governan dan merangka perpaduan dalam masyarakat yang pelbagai.

Oleh sebab itu, kepentingan penubuhan CLC dapat dilihat dalam mencorak perkongsian kuasa dalam politik hari ini. Hasil daripada penubuhan CLC ini juga lahir nilai dan budaya yang dikongsi bermatlamatkan kemerdekaan dan ke arah berkerajaan sendiri dikenali sebagai konsensus. Konsensus atau tolak ansur yang dibina ini lahir semasa proses mencari pertemuan, pemikiran dan pandangan ketika penubuhan CLC. CLC telah mengaplikasikan instrumen *consociationalism* dan elemen kesepaduan sosial sepanjang proses kerjasama antara kaum. Instrumen ini yang menghuraikan peranan Ketua Kaum untuk mencapai konsensus melalui perkongsian kuasa dengan menggunakan medium politik komunal. Nilai konsensus ini turut menyediakan tapak integrasi dalam masyarakat Malaysia pada hari ini melalui elemen-elemen kesepaduan sosial yang membentuk negara bangsa (masih dalam proses).

### **PENGHARGAAN**

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin dan Profesor Dr. Mansor Mohd Noor dari Institut Kajian Etnik (KITA), UKM kerana telah memberi perincian berkenaan kertas kerja ini. Terima kasih juga kepada Jawatankuasa Penerbitan UKM kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk menerbitkan artikel ini.

### **RUJUKAN**

- Abdul Rahman Embong. (2006). *Negara – bangsa: proses dan perbahasan*. Edisi ke 2. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cohen, A. (1996). *Ethnicity and politics*. Dalam Ethnicity, hlm. 83-84. Hutchinson, J. & Smith, A.D. (pnyt).New York: Oxford.
- Cohn Bernard. (1996). *Colonialism and its form of knowledge: The British rule in India*. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.
- Fernando, M, Zulkarnain Abdul Rahman & Abdullah Zakaria Ghazali. (2013). *E.E.C Thuraisingham: A Malaysian patriot*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Fernando. M. (2012). Elite intercommunal bargaining and conflict resolution: The role of the Communities Liaison Committee in Malaya, 1949–51. *Journal of Southeast Asia Studies*, 43(2), pp 280-301.
- Hartzell, C. & Hoddie, M. (2003). Institutionalizing peace: Power sharing and Post-Civil War conflict management. *American Journal of Political Science*, 47(2) April 2003, pp 318-332.
- Horowitz, D. (1993). Democracy in divided society. *Journal of Democracy* vol.4(4).
- In Won Hwang. (2003). *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*. Singapura: Institute of East Asian Studies.
- Kassim Thukiman. (2002). *Malaysia: Perspektif sejarah dan politik*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Khairul Ghufan Kaspin. (2015). Mata pelajaran sejarah dan pembinaan etos bangsa di sekolah: Kajian retrospektif pelajar UKM terhadap kurikulum sejarah. Tesis Sarjana. Bangi, Selangor: KITA, UKM.
- Kobkua, S.P. (2011). *Palace, political party and power: A story of the social-political development of Malay Kingship*. Singapore: NUS Press.
- Jayum A. Jawan. (1994). *Malaysian politics and government*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

- Lijphart, A. (1977). *Democracy in plural society*. New Haven, Connecticut: Yale University Press.
- Lijphart, A. (1999). *Patterns of democracy: government forms and performance in thirty-six countries*. New Haven, Connecticut: Yale University Press.
- MacDonald, M. (1950, February 13). *Newspaper Times cuttings articles on Malcolm MacDonald 1932-1976* (GB-0033-MAC 118/4/4). Palace Green Library, University of Durham, United Kingdom.
- Macdonald, M. (1951, October 17 – December). *Telegrams of South East Asia strategic and political importance in Bukit Sarena*. Official papers: special files 1950-1955 (GB-0033-MAC 18/4/4). Palace Green Library, University of Durham, United Kingdom.
- MacDonald, M. (1952, February 4). *Savingram from Commissioner General in South East Asia, Singapore to Deputy General*. The formation of a new Community Liaison Committee (CO 1022 184/3 112/1/04). National Archives, Richmond, London.
- MacDonald, M. (1952a, May 10 – January 2). *Reports on talks in Indonesia with Presiden Soekarno in despatchers to London*. Official reports: Special files 1950-1955 (GB-0033-MAC 18/10/17). Palace Green Library, University of Durham, United Kingdom.
- MacDonald, M. (1970). *Diaries and autobiography*. Autobiography, constant surprise 1970's (GB-0033-MAC 120). Palace Green Library, University of Durham, United Kingdom.
- Mansor Mohd Noor. (2010). Multiculturalism or indigenous canopy? Making sense of the different trajectories of pluralism in Southeast Asia. *Jurnal Ilmiah Ilmu-ilmu Sain Sosial Budaya Ekonomi, TINGKAP, IV*(2). Indonesia: Universiti Negeri Padang.
- Malesevic, S. (2004). *The sociology of ethnicity*. London, Thousand Oaks, New Delhi: Sage Publications.
- March, J. G. & Olsen, J. P. (1996). *Institutional perspective on political institutions*. Dalam *The Policy Process: A Reader*. 2<sup>nd</sup> edition. Hill M. (pnyt). London: Prentice Hall.
- Mauzy, D.K. (1983). *Barisan Nasional: Coalition government in Malaysia*. Kuala Lumpur: Maricon & Sons Sdn Bhd
- Means, G.P. (1991). *Malaysian politics: The second generation*. Singapura: New York: Oxford University Press.
- Mohd Fitri Abdul Rahman & Mohd Foad Sakdan. (2013). *Konflik politik perkauman: Strategi dan penyelesaian cara Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohammad Agos Yusof. (1992). *Consociational politics. The Malaysian Experience*. Kuala Lumpur: Perikatan Pemuda Enterprise.
- Moore, W. E. (1986). *Siri bacaan sosiologi moden perubahan sosial*. Terjemahan Cheu Hock Tong. Kuala Lumpur: DBP.
- Nazirah Lee. (2011). Palace, political party and power: A story of the socio-political development of Malay kingship (review). *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic*, vol. 85, part 1, June 2011, no. 32, pp 106-108.
- Nurshuhada Mohamed. (2015). *Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (JHAK): Sejarah Bermulanya Proses Perkongsian Kuasa. Siri Kertas Kerja Etnik UKM Bil. 36, Ogos 2015*. Bangi: KITA.
- Purcell, V. (1954). *Malaya: Communist or free?* London: Victor Gollancz LTD.
- Sanger, C. (1995). *Malcolm MacDonald: Bringing an end to empire*. Canada: McGill-Queen's University Press.

- Schneckener, U. (2002). Making power sharing work: Lesson from successes and failures in ethnic conflict regulation. *Journal of Peace Research* 39(2), March 2002, hlm. 203-228.
- Schutt, K.R. (2009). *Investigating the social world: The process and practice of research*. 6<sup>th</sup> edition. Los Angeles: Pine Forge Press.
- Sisk, T. D. (1996). *Power Sharing and International Mediation in Ethnic Conflicts*. Washington, DC: United States Institute of Peace Press.
- Shamsul AB. (2005). Pascakolonialisme dan ilmu kolonial: Suatu pandangan. Dalam. *Pascakolonialisme dalam pemikiran Melayu*, hlm. 59-75. Mohamad Daud Mohamad & Zabidah Yahya (pngr). Kuala Lumpur: DBP.
- Shamsul AB. (2011). *Kesepaduan dalam kepelbagaian: Perpaduan di Malaysia sebagai working-in-progress*. Siri Syarahan Kepimpinan Profesor Ulung. Bangi: UKM.
- Stockwell, A.J. (1995). Malaya: Part I the Malayan Union experiment 1942-1948, series B, vol. 3. London: HMSO.
- Taylor, C. (1985). *Philosophy and the human science*. Cambridge, London: Cambridge University Press.
- Times. (1949, September 19). *Newspaper report of future status of Malaya*. Cooperation between Malays and Chinese (CO 717/183/2/14 (52). National Archives, Richmond, London.
- Times. (1953, April 22). *Newspaper report of Malay-Chinese alliance: Essay in communal cooperation*. Inter communal political movements (CO 1022/191/27(3). National Archives, Richmond, London.

**Nurshuhada Mohamed,**

Pensyarah di Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi  
Universiti Malaysia Terengganu  
shuhada@umt.edu.my